

4



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkuuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:

**ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND**

SEMINAR ANTARABANGSA

ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA

ENTITI

KECEMERLANGAN

MOU &

MOA

ACIS &

KOMUNITI



BICARA DEKAN



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, dapat e-Buletin ACIS edisi keempat ini dilancarkan. Saya difahamkan e-Buletin kali ini merupakan rangkuman aktiviti dan pencapaian sepanjang dua tahun sejak daripada saya bertugas sebagai Dekan ACIS pada tanggal 15 Mac 2022. Tempoh dua tahun ini dirasakan begitu pantas berlalu, dengan begitu banyak yang perlu dilakukan bagi memastikan ACIS akan terus relevan dalam mendokong misi dan visi UiTM untuk menjadi sebuah institusi terkemuka dunia, dalam pada warganya terus mengakar ke bumi. Terima kasih kepada jawatankuasa Korporat & Media ACIS di atas usaha menerbitkan e-Buletin ini.

Warga ACIS yang di hormati sekalian,

Kita telah melalui dua tahun yang pernah dengan warna warni dan saya menganggap kita telah berjaya mencapai pencapaian yang sangat cemerlang pada penutup 2023. Terima kasih kepada seluruh warga yang telah menyumbang kepada pencapaian ACIS sehingga hari ini. Setiap daripada warga ACIS adalah penting dan sama penting untuk membangunkan ACIS secara kukuh dan konsisten. Kebersamaan, kegigihan, kesabaran, komitmen dan semangat tidak mudah mengalah seluruh warga ACIS amat saya banggakan, alhamdulillah. Segala puji dan syukur hanya layak bagi Allah.

Saya percaya sinergi dan ukhwah adalah kunci utama yang akan terus memacu kegemilangan ACIS. Kerapkali saya tekankan peri pentingnya saling mendokong di antara satu sama lain, berganding bahu dengan meninggalkan nilai meninggi diri dan egoism daripada diri. Kemenjadian staf dan pelajar secara holistik adalah perlu bagi memastikan ACIS mampu membawa imej sebagai sebuah Pusat Tanggung Jawab yang komprehensif merentas seluruh bidang.

Setiap daripada warga ACIS harus merasakan diri kita bertanggungjawab untuk membawa motto UiTM ‘Usaha, Taqwa, Mulia’ supaya ACIS bukan sahaja mampu menyumbang kepada pencapaian UiTM secara menyeluruh, bahkan ACIS mempunyai peranan yang lebih besar membawa manfaat kepada pembangunan ummah. Watak kepemimpinan warga ACIS mestilah selari dengan nilai integriti supaya harapan ACIS menjadi fakulti mesra syariah dapat direalisasikan.

Indeks Kebahagiaan warga akan tetap di lihat supaya matlamat keseimbangan kehidupan dan kerjaya dapat di jaga. Akhir kata, saya berharap seluruh warga ACIS akan terus bersemangat dan komited untuk memberikan yang terbaik, bukan hanya untuk fakulti tetapi sebagai satu kecintaan dan kebertanggungjawaban diri kepada masyarakat seluruhnya. Mendepani 2024 dan seterusnya, marilah kita bersama melakar masa hadapan yang lebih berimpak. Sekian terima kasih.

PROFESOR DR MOHD AFANDI MAT RANI



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.